

18/02/2003

Serangkap pantun klasik untuk Hafiz

Halmi

KATA orang, penantian itu satu penyeksaan.

Di Iraq, rakyatnya terseksa kerana ternanti-nanti adakah Amerika Syarikat akan serang negara itu. Mereka menunggu penjelasan dan pembelaan daripada ketua pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Hans Blix.

Jauh beribu batu dari Iraq pula, rakyat Malaysia dan seluruh warga dunia terseksa melihat nafsu serakah Amerika mahu jadi `superpower' tunggal tanpa mempedulikan perasaan berbilion insan yang membantah prospek peperangan.

Kembali di tanah air sepanjang minggu ini, jiwa semua insan di tanah air resah dan gelisah. Menjelang Sidang Kemuncak Negara Berkecuali (NAM) di sana sini dan hampir setiap hari, orang berbicara soal keangkuhan presiden Amerika, George W Bush.

Saya sendiri naik menyampah. Bukannya benci kepada berita itu tetapi geram tengok perangai Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair. Dan, seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, saya pun tertunggu-tunggu bilakah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mahu keluar resolusi berbisa bantu Iraq.

Akhirnya, di sebalik rasa gelisah itu muncul seorang hero bernama Muhammad Hafiz Hashim yang menghangatkan suasana di Malaysia menjelang sidang NAM di Kuala Lumpur.

Anak muda kelahiran Kg Sirih, Kota Bharu itu berjaya menghadiahkan sekelumit rasa ghairah di hati pemimpin sukan dan politik menjelang sidang NAM apabila muncul juara acara perseorangan lelaki kejohanan badminton All England di Birmingham kelmarin.

Tampil dengan status pemain bukan pilihan, Muhammad Hafiz mengejutkan tonggak nombor satu dunia dari China, Chen Hong 17-14 15-10 untuk menamatkan kemarau 37 tahun selepas kali terakhir Tan Aik Huang menjuarai kejohanan berkenaan pada 1966.

Khabarnya, anak muda ini tidak diberikan harapan besar untuk menang di Birmingham. Mungkin faktor inilah yang membolehkan Muhammad Hafiz pulang dengan gelaran All England.

Saya harus akui badminton bukan sukan kegemaran nombor satu sejak dulu lagi. Dari dulu sampai sekarang, saya lebih terpicat kepada bola sepak, basikal, bola keranjang, ragbi dan perlumbaan Formula Satu (F1).

Namun, saya kagum pengorbanan Muhammad Hafiz kerana ia cukup besar dan setidak-tidaknya mengalihkan seketika tumpuan seluruh negara kepada pencapaiannya di kejohanan itu yang dimulakan di England pada 1899.

Secara simboliknya, pemimpin Malaysia sudah ketemu satu watak hero tatkala seluruh negara sibuk-sibuk mahu mengadakan sidang NAM. Yang pasti

minggu ini, cerita Muhammad Hafiz bakal kuasa dada media. Walaupun All England kian hilang serinya, namun perlu diingatkan suatu ketika dulu ia dianggap kejohanan dunia tidak rasmi. Juara All England ketika itu dilabel

pemain nombor satu dunia.

Mulai sekarang harap percaya Muhammad Hafiz sudah ada agenda perjuangan

yang lebih besar. Selepas menang di Sukan Komanwel di Manchester tahun lalu dan All England, seharusnya dia kini berani berbicara soal pingat emas Sukan Olimpik 2004 di Athens, Greece.

Selepas tiga kali menang daripada empat pertemuan menentang Chen Hong, Muhammad Hafiz sebenarnya bukan pemain kelas tiga. Pasti kejayaan ke atas pemain nombor satu dunia itu di Terbuka Jepun, Sukan Asia dan All England bukan kebetulan.

Justeru, anak muda 21 tahun itu yang khabarnya gemarkan kereta mewah perlu pupuk keyakinan takluk dunia. Buktikan betapa jiwanya sebesar Rudy Hartono, Tan Aik Huang atau Punch Gunalan.

Apatah lagi dia kini menuntut ilmu dengan Misbun Sidek - seorang pemain

perseorangan yang cukup digeruni pada eranya tetapi sering tidak konsisten. Keadaan itu mencacatkan skrip jalan cerita Misbun yang sepatutnya memartabatkan namanya selaku hero sepanjang zaman.

Kepada Muhammad Hafiz, saya tujukan serangkap pantun:

Berburu di tanah datar

Dapat rusa berbelang kaki

Berguru kepalang ajar

Bagai bunga kembang tak jadi

Saya harap dia mampu menterbalikkan maksud pantun itu dan jadi lebih baik daripada tok gurunya sekarang (Misbun).